

RISALAH MAKLUMAT PESAKIT [TOLBUTAMIDE]

Apakah kegunaan ubat ini?

Tolbutamide digunakan dalam rawatan kencing manis. Ia berfungsi bersama perubahan gaya hidup, seperti mengamalkan diet yang sihat dan senaman yang kerap, untuk mengurangkan paras gula dalam darah. Ia membantu pankreas mengeluarkan lebih banyak insulin untuk menurunkan paras gula darah anda.

Bagaimanakah saya harus mengambil/menggunakan ubat ini?

Ambil biji(-biji) seperti yang diarahkan oleh doktor anda serta-merta sebelum makan. Jangan terlepas atau menangguhkan makan selepas mengambil ubat.

Apakah perlu saya lakukan jika saya terlupa mengambil/menggunakan ubat ini?

Jika anda terlepas satu dos, ambil dos anda yang berikutnya sejurus sebelum masa untuk makan selanjutnya dan langkau dos yang anda terlepas.

Jangan gandakan dos anda atau ambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang terlepas.

Apakah langkah berjaga-jaga yang perlu saya ambil?

Beritahu profesional penjagaan kesihatan anda jika anda:

- Alah kepada ubat ini atau sebarang bahan lain ubat ini
- Alah kepada ubat yang mengandungi bahan sulfonamida seperti sulfamethoxazole atau anda mempunyai alahan "sulfa"
- Mengalami kekurangan Glukosa-6 Fosfat Dehidrogenase (G6PD), suatu keadaan genetik di mana sel darah merah anda berpecah lebih cepat daripada yang dihasilkan
- Sedang hamil, merancang untuk hamil, atau menyusukan
- Mempunyai masalah jantung, buah pinggang atau hati
- Kerap minum minuman keras
- Makan kurang daripada biasa akibat sakit kerana dos ubat anda mungkin perlu diubah
- Bersenam lebih giat daripada biasa atau membuat perubahan pada diet biasa anda kerana paras gula dalam darah anda mungkin terjejas
- Merupakan warga tua berumur lebih daripada 65 tahun kerana anda berisiko lebih tinggi untuk mendapat kesan sampingan daripada ubat ini

Apakah beberapa kesan sampingan yang lazim bagi ubat ini?

Seperti semua ubat, ubat ini mungkin menyebabkan beberapa kesan sampingan tetapi tidak semua orang akan mengalaminya. Dapatkan nasihat profesional penjagaan kesihatan anda jika sebarang kesan sampingan tersebut menjadi teruk atau menyusahkan.

Kesan sampingan yang lazim Tolbutamide termasuk:

- Gula darah rendah (hipoglisemia)
 - Jika anda mengalami gula darah rendah, baca di bawah untuk menguruskan gejala anda
- Berat badan bertambah
 - Bersenam dengan kerap untuk mengelakkan penambahan berat badan yang dikaitkan dengan ubat ini

Gejala gula darah rendah termasuk:

- Kelemahan
- Pening
- Lapar
- Berpeluh
- Menggeletar
- Penglihatan kabur
- Berjalan tidak stabil
- Degupan jantung yang cepat

Jika anda mengalami mana-mana gejala gula darah rendah ini, lakukan perkara berikut dengan segera:

Langkah 1: Periksa paras gula darah anda dengan menggunakan meter gula darah rumah (glukometer) jika ada. Jika paras gula darah anda kurang daripada 4 mmol/L, ambil 15 gram gula bertindak pantas. Contoh 15 gram gula bertindak pantas termasuk:

- 3 biji glukosa atau
- Setengah gelas jus buah (200ml) atau
- Setengah tin minuman ringan atau minuman manis (175ml) atau
- 1 tin minuman ringan kurang gula (330ml) atau
- 3 sudu teh gula, madu atau sirap

Langkah 2: Pantau diri anda selama 15 minit. Jika anda mempunyai glukometer (meter gula darah rumah), periksa paras gula darah anda sekali lagi selepas 15 minit.

Langkah 3: Jika paras gula darah anda masih kurang daripada 4 mmol/L atau anda masih mengalami gejala gula darah rendah, anda harus mengambil tambahan 15 gram gula bertindak pantas seperti Langkah 1.

Jika gejala anda tidak berhenti, pergi jumpa doktor atau pergi ke hospital dengan segera.

Langkah 4: Makan seperti biasa atau makan snek jika paras gula darah anda adalah 4 mmol/L ke atas selepas mengambil gula bertindak pantas tadi.

Apakah beberapa kesan sampingan yang jarang berlaku tetapi serius yang memerlukan saya mendapatkan nasihat perubatan dengan segera?

Gejala alahan dadah termasuk satu atau lebih daripada yang berikut:

- Muka/mata/bibir/lidah bengkak
- Kesukaran bernafas
- Ruam kulit gatal di seluruh badan anda

Jika anda mengalami mana-mana gejala ini, anda harus berhenti mengambil ubat anda dan berjumpa dengan profesional penjagaan kesihatan anda dengan segera.

Jumpa doktor atau pergi ke hospital dengan segera jika paras gula dalam darah anda selalu rendah (kurang daripada 4 mmol/L) atau anda terus mengalami gejala gula darah rendah walaupun selepas mengambil sedikit gula (lihat arahan di atas untuk pengurusan gula darah rendah).

Apakah makanan atau ubat yang harus saya elakkan apabila saya mengambil/menggunakan ubat ini?

Elakkan minum minuman keras dengan ubat ini kerana ia boleh menyebabkan gejala seperti muka memerah, rasa loya, muntah-muntah, sakit kepala, degupan jantung yang cepat, pernafasan yang cepat dan mabuk-mabuk.

Bagaimanakah harus saya simpan ubat ini?

Simpan di tempat yang terlindung dan kering, jauh daripada sinaran langsung matahari. Jauhkan ubat ini daripada kanak-kanak.

Bagaimanakah harus saya buang ubat ini dengan selamat?

Bungkuskan ubat ini dalam beg sampah hitam dan ikat ketat sebelum membuangnya ke dalam tong sampah.

Penafian

Sila ambil perhatian bahawa maklumat yang diberikan di atas bukan senarai lengkap semua kemungkinan kesan sampingan. Jika anda mempunyai kebimbangan mengenai ubat atau anda mengalami kesan sampingan lain yang anda fikir disebabkan oleh ubat ini, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mengambil lebih daripada dos yang disyorkan, sila dapatkan nasihat perubatan dengan segera. Maklumat yang diberikan di halaman ini tidak menggantikan maklumat daripada profesional penjagaan kesihatan anda. Sila rujuk kepada profesional penjagaan kesihatan anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Rencana ini dihasilkan secara bersama oleh para anggota kumpulan kerja Maklumat Ubat Kebangsaan (NMI), dan disokong oleh Kementerian Kesihatan. Kumpulan kerja ini terdiri daripada rakan kongsi kelompok (National Healthcare Group, Sistem Kesihatan Universiti Nasional dan SingHealth), farmasi masyarakat (Guardian, Unity dan Watsons) dan Persatuan Farmaseutikal Singapura. Kandungannya tidak menggambarkan ketersediaan ubat dan maklumat bekalan di farmasi dan institusi penjagaan kesihatan. Anda dinasihatkan untuk bertanya kepada institusi-institusi berkenaan untuk mendapatkan maklumat tersebut.